29	PERDA REGIONAL ENTREPRENEURSHIP EMPOWERMENT	Lembaga Kemajuan Pulau Pinang - PERDA (KPLB)	Tidak	5,000,000.00	1,000,000.00
30	PERDA HALAL GROWTH & INNOVATION HUB (GROW-HALAL@PERDA)	Lembaga Kemajuan Pulau Pinang - PERDA (KPLB)	Tidak	2,000,000.00	1,000,000.00

LAMPIRAN A

BIL	PROJEK DILULUSKAN	AGENSI PEMILIK	AGENSI PELAKSANA	KOS PROJEK DE	SILING/ PERUNTUKAN 2026
31	PROGRAM PEMERKASAAN TAHFIZ TVET @ INSTITUT KEMAHIRAN TINGGI PERDA (PERDA-TECH) TAHUN 2026	Bahagian Korporat Dan Pembangunan Kemahiran	Kementerian/ Agensi	200,000.00	100,000.00
32	MENGGANTIKAN JAMBATAN FT3111/002/60 YANG MERENTASI SUNGAI DERHAKA DI JALAN PERSEKUTUAN FT3111, SEKSYEN 2.90, SEBERANG PERAI TENGAH, PULAU PINANG	Bahagian Perancang Jalan (KKR)	JKR Malaysia	18,000,000.00	160,000.00
33	KAJIAN TRAFIK DAN GUNA TANAH KE ATAS CADANGAN PEMBINAAN PAN ISLAND LINK (PIL), PULAU PINANG	Bahagian Perancang Jalan (KKR)	Kementerian/ Agensi	1,000,000.00	500,000.00
34	KERJA AWALAN PROJEK NAIKTARAF JALAN FT006 DARI BAYAN LEPAS KE TELUK KUMBAR SEKSYEN 20.00 SEHINGGA SEKSYEN 23.00, DAERAH BARAT DAYA, PULAU PINANG (REKA BENTUK)	Bahagian Perancang Jalan (KKR)	Kementerian/ Agensi	5,000,000.00	1,000,000.00
35	KERJA AWALAN NAIK TARAF LALUAN PERSEKUTUAN FT001 DARI PERSIMPANGAN PERMATANG KELING (SEK 720) KE JAMBATAN DI	Bahagian Perancang Jalan (KKR)	JKR Malaysia	40,000,000.00	700,000.00

LAMPIRAN A

BIL	PROJEK DILULUSKAN	AGENSI PEMILIK	AGENSI PELAKSANA	KOS PROJEK DE	SILINGI/ PERUNTUKAN 2026
	ATAS SUNGAI JUNJUNG (SEK 740), SIMPANG AMPAT, SEBERANG PERAI SELATAN (MENAIKTARAF JALAN PERSIMPANGAN DARI SEKSYEN 735.000 - 731.000 DAN SEKSYEN 729.100 - 727.100), PULAU PINANG (REKA BENTUK & PENGAMBILAN TANAH)				
36	PEMANJANGAN LANDASAN SISIAN DI NORTH BUTTERWORTH CONTAINER TERMINAL (NBCT)	PUSAT LOGISTIK NEGARA	JKR Malaysia	71,000,000.00	3,000,000.00
37	PROJEK NAIKTARAF SISTEM PENGUDARAAN DAN PENYAMAN UDARA BERPUSAT DI JABATAN KIMIA MALAYSIA NEGERI PULAU PINANG	Jabatan Kimia	JKR Malaysia	6,070,000.00	930,000.00
38	PENGUBAHSUAIAN MAKMAL IN VIVO (HAIWAN) DI IPHARM, NIBM UNTUK ANALISIS KAWALAN KUALITI LOT PENGELUARAN VAKSIN	Institut Bioteknologi Kebangsaan Malaysia (NIBM)	Kementerian/ Agensi	4,000,000.00	495,000.00
39	MYPHYTOLEAD: PENGUKUHAN PLATFORM PENGHASILAN UBATAN BOTANI TEMPATAN BERASASKAN BUKTI UNTUK RAWATAN OBESITI, DIABETES, DENGGI DAN KANSER PARU-PARU	Institut Bioteknologi Kebangsaan Malaysia (NIBM)	Kementerian/ Agensi	8,050,000.00	1,500,000.00

LAMPIRAN A

BIL	PROJEK DILULUSKAN	AGENSI PEMILIK	AGENSI PELAKSANA	KOS PROJEK DE	SILING/ PERUNTUKAN 2026
40	PEMULIHARAAN BANGUNAN WARISAN GATE HOUSE (BEL RETIRO) ,BUKIT BENDERA , PULAU PINANG	Bahagian Pembangunan (TOURISM)	JKR Malaysia	8,000,000.00	400,000.00
41	MENAIK TARAF KEMUDAHAN JETI PANTAI KERACHUT DI TAMAN NEGARA PULAU PINANG	Bahagian Pembangunan (TOURISM)	JKR Malaysia	3,300,000.00	200,000.00
42	PEMBAIKAN DAN NAIK TARAF KOMPLEKS JKKN PULAU PINANG	Jabatan Kebudayaan & Kesenian Negara	JKR Malaysia	3,000,000.00	200,000.00
43	PROJEK PEMBINAAN DAN PEMBAIKAN BAN PANTAI DI PERSISIR PANTAI KAWASAN BAGAN LEBAI TAHIR, DAERAH SEBERANG PERAI UTARA, PULAU PINANG	Jabatan Pengairan dan Saliran Malaysia (JPS) - PETRA	JPS Malaysia	10,000,000.00	250,000.00
44	PROJEK PEMULIHARAAN SUNGAI JURU,DAERAH SEBERANG PERAI TENGAH, PULAU PINANG	Jabatan Pengairan dan Saliran Malaysia (JPS) - PETRA	JPS Malaysia	60,000,000.00	400,000.00

LAMPIRAN A

BIL	PROJEK DILULUSKAN	AGENSI PEMILIK	AGENSI PELAKSANA	KOS PROJEK DE	SILING/ PERUNTUKAN 2026
45	PROJEK PEMULIHARAAN SUNGAI UNTUK MENGURANGKAN RISIKO BANJIR (RMKE-13) DI PULAU PINANG	Jabatan Pengairan dan Saliran Malaysia (JPS) - PETRA	JPS Malaysia	25,000,000.00	5,000,000.00
46	RANCANGAN TEBATAN BANJIR SUNGAI NYIUR, DAERAH SEBERANG PERAI UTARA, PULAU PINANG	Jabatan Pengairan dan Saliran Malaysia (JPS) - PETRA	JPS Malaysia	161,000,000.00	10,000.00
47	PROJEK MENAIK TARAF MUKA SAUK DI TITI KERAWANG DAN TELUK AWAK SERTA PEMASANGAN PAIP AIR MENTAH DARI MUKA SAUK KE EMPANGAN TELUK BAHANG DAN LAIN-LAIN KERJA BERKAITAN DI PULAU PINANG	Jabatan Bekalan Air - PETRA		26,500,000.00	500,000.00
48	KAJIAN MENYELURUH SUMBER BEKALAN AIR MENTAH DI NEGERI PULAU PINANG	Jabatan Bekalan Air - PETRA		3,000,000.00	100,000.00
49	PEMBINAAN KLINIK KESIHATAN (JENIS 2) KUBANG SEMANG DAN KOMPLEKS KESIHATAN BERSEPADU SEBERANG PERAI TENGAH, PULAU PINANG (GANTIAN)	Jabatan Kesihatan Negeri Pulau Pinang	JKR Malaysia	94,603,200.00	50,300,000.00

LAMPIRAN A

BIL	PROJEK DILULUSKAN	AGENSI PEMILIK	AGENSI PELAKSANA	KOS PROJEK DE	SILING/ PERUNTUKAN 2026
50	PEMBINAAN MAKMAL KESELAMATAN DAN KUALITI MAKANAN ZON UTARA SERTA STOR EKSHIBIT JABATAN KESIHATAN NEGERI PULAU PINANG	Jabatan Kesihatan Negeri Pulau Pinang	JKR Malaysia	265,089,000.00	50,000.00
51	NAIK TARAF TANGKI BEKALAN AIR DI HOSPITAL KEPALA BATAS, PULAU PINANG	Jabatan Kesihatan Negeri Pulau Pinang	JKR Malaysia	4,232,525.00	400,000.00
52	MENAIK TARAF KEMUDAHAN HEMODIALISIS DI HOSPITAL KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA DI NEGERI PULAU PINANG	Bahagian Perkembangan Perubatan	Kementerian/ Agensi	290,000.00	290,000.00
53	KERJA AWALAN PROJEK PEMBINAAN MULTI STOREY BLOCK HOSPITAL KEPALA BATAS PULAU PINANG	Bahagian Pembangunan (MOH)		2,000,000.00	500,000.00
54	PEROLEHAN KENDERAAN DAN PERALATAN BAGI DUA (2) PASUKAN PERGIAN BERGERAK NEGERI PULAU PINANG (GANTIAN)	Jabatan Kesihatan Negeri Pulau Pinang	Kementerian/ Agensi	900,000.00	900,000.00
55	PEROLEHAN MESIN COMPUTED TOMOGRAPHY (CT SCAN) UNIT RADIOLOGI, HOSPITAL KEPALA BATAS, PULAU PINANG (BAHARU)	Bahagian Perkembangan Perubatan	Kementerian/ Agensi	7,000,000.00	10,000.00

LAMPIRAN A

BIL	PROJEK DILULUSKAN	AGENSI PEMILIK	AGENSI PELAKSANA	KOS PROJEK DE	SILING/ PERUNTUKAN 2026
56	KERJA AWALAN PEMBINAAN JALAN BAWAH (UNDERPASS) UNTUK MENGHUBUNGAN JALAN MOUNT ERSKINE KE JALAN BURMA DI PERSIMPANGAN JALAN MOUNT ERSKINE/ JALAN GOTTLIEB/ JALAN BURMA/ JALAN BAGAN JERMAL SEKSYEN A: JALAN BAWAH (UNDERPASS)	Jabatan Kerajaan Tempatan	Kementerian/ Agensi	5,000,000.00	1,000,000.00
57	PROJEK PEMBANGUNAN DI PIHAK BERKUASA TEMPATAN PULAU PINANG RMK13	Jabatan Kerajaan Tempatan	JKR Malaysia	30,000,000.00	6,000,000.00
58	MENAIK TARAF KOMPLEKS MEDAN SELERA BAYAN BARU, PULAU PINANG	Jabatan Kerajaan Tempatan	JKR Malaysia	5,000,000.00	300,000.00
59	NAIK TARAF TAMAN AWAM NEGERI PULAU PINANG	Jabatan Landskap Negara - KPKT	JKR Malaysia	2,800,000.00	600,000.00
60	PROGRAM BAIK PULIH RUMAH DI BANDAR NEGERI PULAU PINANG RMK-13	Bahagian Kesejahteraan Komuniti	JKR Malaysia	5,500,000.00	1,500,000.00
61	PROGRAM BINA BAHARU RUMAH DI BANDAR NEGERI PULAU PINANG RMK-13	Bahagian Kesejahteraan Komuniti	JKR Malaysia	540,000.00	180,000.00

LAMPIRAN A

BIL	PROJEK DILULUSKAN	AGENSI PEMILIK	AGENSI PELAKSANA	KOS PROJEK DE	SILING/ PERUNTUKAN 2026
62	PROGRAM PENYENGGARAAN PERUMAHAN (PPP) NEGERI PULAU PINANG RMKE-13	Jabatan Perumahan Negara	JKR Malaysia	20,000,000.00	5,000,000.00
63	TABUNG PENYELENGGARAAN PERUMAHAN MALAYSIA (TPPM) NEGERI PULAU PINANG RMKE-13	Jabatan Perumahan Negara	JKR Malaysia	30,000,000.00	7,000,000.00
64	PROJEK PEMBANGUNAN KAMPUNG BARU DI NEGERI PULAU PINANG	Bahagian Kampung Baru - KPKT	JKR Malaysia	7,500,000.00	1,500,000.00
65	PEMBANGUNAN STESEN OPERASI K9 WILAYAH UTARA BERSERTA KUARTERS DI BERTAM, PULAU PINANG	Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia	JKR Malaysia	19,000,000.00	10,300,000.00
66	PROGRAM RUMAH MESRA RAKYAT (RMR) PULAU PINANG RMKE-13	Syarikat Perumahan Negara Berhad	Kementerian/ Agensi	16,657,000.00	3,636,000.00
67	NAIK TARAF KEMUDAHAN SUKAN BERSKALA KECIL DI NEGERI PULAU PINANG RMKE-13	Bahagian Pembangunan	JKR Malaysia	10,000,000.00	1,500,000.00
68	MENAIK TARAF KOMPLEKS SUKAN BERTAM, KEPALA BATAS, SEBERANG PERAI UTARA, PULAU PINANG	Bahagian Pembangunan	JKR Malaysia	10,000,000.00	100,000.00

LAMPIRAN A

BIL	PROJEK DILULUSKAN	AGENSI PEMILIK	AGENSI PELAKSANA	KOS PROJEK DE	SILING/ PERUNTUKAN 2026
69	NAIK TARAF INFRASTRUKTUR DI INSTITUT TEKNIKAL JEPUN MALAYSIA (JMTI) UNTUK PEMBANGUNAN SEBAGAI INSTITUT PREMIER	Jabatan Tenaga Manusia	JKR Malaysia	11,575,000.00	2,000,000.00
70	PEROLEHAN BAHARU PERALATAN LATIHAN BAGI BIDANG TEKNOLOGI PERCETAKAN DIGITAL DI ILP ARUMUGAM PILLAI NIBONG TEBAL PULAU PINANG	Jabatan Tenaga Manusia	Kementerian/ Agensi	1,385,000.00	1,108,000.00
71	PEMBINAAN 1 BILIK DARJAH PRASEKOLAH PROGRAM PENDIDIKAN KHAS INTEGRASI (PRA PPKI) BAGI SEKOLAH KEBANGSAAN TAN SRI AWANG HAD SALLEH, BARAT DAYA, PULAU PINANG. (PBA3006)	Bahagian Pengurusan Sekolah Harian	JKR Malaysia	3,000,000.00	300,000.00
72	PEMBINAAN 2 BILIK DARJAH PRASEKOLAH DAN 2 BILIK DARJAH PRASEKOLAH PROGRAM PENDIDIKAN KHAS INTEGRASI BAGI SEKOLAH KEBANGSAAN TANJUNGG BUNGA, PULAU PINANG (PBA1011)	Bahagian Pengurusan Sekolah Harian	JKR Malaysia	7,000,000.00	240,000.00

LAMPIRAN A

BIL	PROJEK DILULUSKAN	AGENSI PEMILIK	AGENSI PELAKSANA	KOS PROJEK DE	SILING/ PERUNTUKAN 2026
73	KERJA AWALAN BAGI PEMBINAAN SEKOLAH KEBANGSAAN BANDAR CASSIA, DAERAH SEBERANG PERAI SELATAN, PULAU PINANG	Jabatan Pendidikan Negeri Pulau Pinang	JKR Malaysia	101,000,000.00	300,000.00
74	PEMBINAAN BANGUNAN TAMBAHAN DI SEKOLAH KEBANGSAAN PERMATANG DAMAR LAUT, DAERAH BARAT DAYA, PULAU PINANG (PBA3005)	Jabatan Pendidikan Negeri Pulau Pinang	JKR Malaysia	25,000,000.00	300,000.00
75	PEMBINAAN BAHARU SEKOLAH MENENGAH KEBANGSAAN JURU, DAERAH SEBERANG PERAI TENGAH, PULAU PINANG YANG MENGANJUNG 36 BILIK DARJAH SERTA KEMUDAHAN-KEMUDAHAN LAIN MENGIKUT PIAWAI	Jabatan Pendidikan Negeri Pulau Pinang	JKR Malaysia	137,500,000.00	300,000.00
76	PEROLEHAN PERALATAN PROGRAM TEKNOLOGI AUTOMOTIF PERINGKAT DIPLOMA MENGIKUT KURIKULUM STANDARD KOLEJ VOKASIONAL (KSKV) DI NEGERI PULAU PINANG	Bahagian Pendidikan dan Latihan Teknikal Vokasional	Kementerian/ Agensi	2,130,000.00	1,136,000.00

LAMPIRAN A

BIL	PROJEK DILULUSKAN	AGENSI PEMILIK	AGENSI PELAKSANA	KOS PROJEK DE	SILING/ PERUNTUKAN 2026
77	PEMBINAAN BANGUNAN TAMBAHAN 15 BILIK DARJAH PROGRAM PENDIDIKAN KHAS INTEGRASI (PPKI) DAN 5 BENGKEL KEMAHIRAN SERTA KEMUDAHAN-KEMUDAHAN LAIN MENGIKUT PIAWAI DI SEKOLAH MENENGAH KEBANGSAAN SAMA GAGAH, BUKIT MERTAJAM, PULAU PINANG (PEA0006)	Bahagian Pendidikan Khas	JKR Malaysia	20,000,000.00	300,000.00
78	PEMBEKALAN SMART TV 65 INCI DI 370 KELAS PRASEKOLAH DI NEGERI PULAU PINANG	Bahagian Pembangunan Kurikulum	JKR Malaysia	2,300,000.00	2,000,000.00
79	PPP/PFI - PEMBANGUNAN ASRAMA BERKAPASITI 1,000 PELAJAR DI POLITEKNIK SEBERANG PERAI, PULAU PINANG	Jabatan Pengajian Politeknik	Kementerian/ Agensi	33,765,106.00	6,753,100.00
80	USM - PEMBINAAN PUSAT PENGAJARAN KANSER (CANCER TEACHING CENTRE, CTC) DI PUSAT PAKAR KLINIKAL DAN PENYELIDIKAN KANSER (PPKPK), UNIVERSITI SAINS MALAYSIA, BERTAM, PULAU PINANG	Universiti Sains Malaysia (USM)	JKR Malaysia	122,794,980.00	1,000,000.00

LAMPIRAN A

BIL	PROJEK DILULUSKAN	AGENSI PEMILIK	AGENSI PELAKSANA	KOS PROJEK DE	SILING/ PERUNTUKAN 2026
81	USM- NAIK TARAF FASILITI BERPUSAT SMART LEARNING CLASSROOM DAN SISTEM AUDIO VISUAL DI DEWAN-DEWAN KULIAH DAN BILIK-BILIK TUTORIAL, UNIVERSITI SAINS MALAYSIA, KAMPUS INDUK, PULAU PINANG	Universiti Sains Malaysia (USM)	JKR Malaysia	27,100,000.00	5,000,000.00
82	USM - PEROLEHAN PERALATAN BAHARU PENYELIDIKAN DI PUSAT PAKAR KLINIKAL DAN PENYELIDIKAN KANSER (PPKPK), UNIVERSITI SAINS MALAYSIA, BERTAM, PULAU PINANG	Universiti Sains Malaysia (USM)	Kementerian/ Agensi	30,000,000.00	15,000,000.00
83	USM- NAIKTARAF SERTA PEROLEHAN BAHARU SISTEM LIF PENUMPANG DI UNIVERSITI SAINS MALAYSIA, KAMPUS KEJURUTERAAN, NIBONG TEBAL, PULAU PINANG	Universiti Sains Malaysia (USM)	JKR Malaysia	7,950,000.00	1,000,000.00
84	USM - PEMBANGUNAN BAHARU UNTUK PENGEMBANGAN PROGRAM BAGI PUSAT PENGAJIAN KEJURUTERAAN ELEKTRIK & ELEKTRONIK, UNIVERSITI SAINS MALAYSIA @ BUKIT JAMBUL, PULAU PINANG	Universiti Sains Malaysia (USM)	JKR Malaysia	55,000,000.00	5,000,000.00

LAMPIRAN A

BIL	PROJEK DILULUSKAN	AGENSI PEMILIK	AGENSI PELAKSANA	KOS PROJEK DE	SILING/ PERUNTUKAN 2026
85	PPP/PFI - PEMBANGUNAN KOLEJ KEDIAMAN 1,000 PELAJAR UNTUK UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA (UITM) BERTAM, PULAU PINANG	Universiti Teknologi Mara (UiTM)	Kementerian/ Agensi	42,153,848.00	8,430,800.00
86	UITM - NAIKTARAF KESELURUHAN BUMBUNG BANGUNAN DI UITM CAWANGAN PULAU PINANG KAMPUS PERMATANG PAUH	Universiti Teknologi Mara (UiTM)	JKR Malaysia	3,000,000.00	1,500,000.00
<b>JUMLAH KESELURUHAN</b>				<b>5,233,724,583.00</b>	<b>286,369,000.00</b>

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA  
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG  
YANG KELIMA BELAS  
14 NOVEMBER 2025**

**PERKARA : 4(A)(XX)18**

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN BUKIT TENGAH  
YB GOOI HSIAO-LEUNG**

18. Nyatakan anggaran jumlah kutipan hasil cukai Persekutuan dari Negeri Pulau Pinang bagi setiap tahun dari 2020 sehingga 2025, dengan perincian mengikut kategori utama seperti cukai pendapatan individu, cukai korporat, SST, duti kastam serta cukai tidak langsung lain sebagaimana disusun dan direkodkan oleh LHDN dan JKDM.

**JAWAPAN OLEH YAB KETUA MENTERI**

18. Data kutipan hasil cukai dilaporkan secara agregat mengikut jenis-jenis cukai langsung dan cukai tidak langsung secara keseluruhan dan bukannya mengikut negeri. Jumlah hasil cukai langsung dan cukai tidak langsung yang dikutip di peringkat negeri tidak semestinya menggambarkan sumbangan aktiviti ekonomi yang sebenar di negeri berkenaan. Oleh itu, tiada pecahan khusus bagi jumlah kutipan hasil cukai Persekutuan yang boleh dikemukakan mengikut negeri.

Hasil kutipan cukai langsung dan cukai tidak langsung yang diterima oleh Kerajaan Persekutuan pada setiap tahun boleh dilihat dalam Laporan Tinjauan Fiskal dan Anggaran Hasil Kerajaan Persekutuan yang diterbitkan oleh Kementerian Kewangan. Laporan tersebut boleh disemak dan dimuat turun daripada laman web khas belanjawan tahunan iaitu <https://belanjawan.mof.gov.my/ms/>.

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA  
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG  
YANG KELIMA BELAS  
14 NOVEMBER 2025**

**PERKARA : 4(A)(XX)19**

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN BUKIT TENGAH  
YB GOOI HSIAO-LEUNG**

19. Senaraikan jumlah keseluruhan pindahan kewangan dan perbelanjaan Persekutuan yang diterima oleh Pulau Pinang setiap tahun dari tempoh 2020 hingga 2025 termasuk:
- (i) Geran perlembagaan dan statutori; dan
  - (ii) Peruntukan pembangunan Persekutuan di bawah RMK-12 dan RMK-13.

**JAWAPAN OLEH YAB KETUA MENTERI**

19. (i) Senarai Pemberian daripada Kerajaan Persekutuan kepada Kerajaan Negeri Pulau Pinang dari tahun 2020 hingga 2025 adalah seperti di **LAMPIRAN A**.
- (ii) Merujuk kepada data yang diperoleh daripada Kementerian Ekonomi, peruntukan pembangunan Persekutuan bagi Negeri Pulau Pinang di bawah Rancangan Malaysia Kedua Belas (RMK12) dan Rancangan Malaysia Ketiga Belas (RMK13) adalah seperti yang diperincikan di **LAMPIRAN B**.

## PEMBERIAN KERAJAAN PERSEKUTUAN KEPADA KERAJAAN NEGERI PULAU PINANG DARI TAHUN 2020 HINGGA 2025

BIL	JENIS PEMBERIAN	2020	2021	2022	2023	2024	2025
1	Pemberian Mengikut Bilangan Kepala	25,064,400.00	25,236,540.00	25,401,840.00	25,558,020.00	25,705,080.00	12,921,510.00
2	Pemberian Bayaran Perkhidmatan 10%	5,152,586.71	8,183,162.43	7,458,579.24	6,206,820.24	12,053,123.29	-
3	Pemberian Pertambahan Hasil	11,755,764.00	-	11,910,162.00	12,015,110.00	12,378,720.00	-
4	Pemberian Membiayai Perbelanjaan Mengurus Di Bawah Senarai Bersama (JKM, JPV, JPS, JPBD, MSN)	30,336,772.28	31,492,607.18	21,317,387.70	22,298,451.19	20,419,877.74	22,139,671.70
5	Pemberian Pelancongan	10,065,021.00	3,298,111.40	13,345.00	1,350.30	2,220,331.80	2,786,731.80
6	Peruntukan Bagi Inisiatif Pemuliharaan Dan Pemeliharaan Tapak Warisan Dunia Di Bawah UNESCO	-	-	-	25,000,000.00	-	-
7	Pemberian Berdasarkan Tahap Pembangunan Ekonomi, Infrastruktur Dan Kesejahteraan Hidup	15,966,000.00	16,310,300.00	15,516,000.00	20,553,000.00	20,553,000.00	20,553,000.00
<b>JUMLAH (RM)</b>		<b>98,340,543.99</b>	<b>84,520,721.01</b>	<b>81,617,313.94</b>	<b>111,852,761.73</b>	<b>93,330,132.83</b>	<b>68,400,913.50</b>
8	Pemberian Kerajaan Persekutuan kepada Kumpulan Wang Amanah Penyelenggaraan Jalan Raya Negeri (MARRIS)**	186,151,318.00	208,768,683.00	208,768,700.00	210,952,060.00	221,721,000.00	187,317,810.00
BIL	JENIS PEMBERIAN	2020	2021	2022	2023	2024	2025
9	<i>Ecological Fiscal Transfer For Biodiversity Conservation (EFT)</i>	-	-	794,300.00	3,087,606.00	2,000,000.00	9,170,000.00
10	Program Pengukuhan Keterjaminan Makanan Tahun 2024 : Mengoptimumkan Penggunaan Tanah Dengan Kerjasama Kerajaan Negeri	-	-	-	-	850,000.00	-
<b>JUMLAH KESELURUHAN (RM)</b>		<b>284,491,861.99</b>	<b>293,289,404.01</b>	<b>291,180,313.94</b>	<b>325,672,417.73</b>	<b>317,901,132.83</b>	<b>254,888,723.50</b>

**\*\*Nota :**

Pemberian Kerajaan Persekutuan kepada Kumpulan Wang Amanah Penyelenggaraan Jalan Raya Negeri (MARRIS) adalah setakat 28 Oktober 2025  
Justifikasi :

- 1) Pemberian mengikut bilangan kepala dibuat mengikut peruntukan Perkara 109(1)(a) Perlembagaan Persekutuan
- 2) Pemberian bayaran perkhidmatan 10% dibuat mengikut peruntukan Perkara 80(5) Perlembagaan Persekutuan, Majlis Kewangan Negara telah menetapkan bahawa kerajaan negeri layak menerima sejumlah pemberian kos perkhidmatan di atas pelaksanaan projek pembangunan Persekutuan.
- 3) Pemberian pertambahan hasil adalah berasaskan prinsip perkongsian hasil iaitu negeri akan mendapat pemberian ini apabila terdapat pertambahan hasil Kerajaan Persekutuan dalam sesuatu tahun kewangan berbanding dengan tahun sebelumnya.
- 4) Pemberian Membiayai Perbelanjaan Mengurus Di Bawah Senarai Bersama - Majlis Kewangan Negara telah menetapkan bahawa Kerajaan Persekutuan akan membiayai sebahagian kos pengurusan perkara-perkara di bawah Jadual Kesembilan (Senarai Bersama), Perlembagaan Persekutuan.
- 5) Pemberian pelancongan yang diterima daripada Kerajaan Persekutuan akan disalurkan ke Akaun Amanah Jawatankuasa Induk Pelancongan sebanyak 70%, manakala baki 30% akan diakaunkan sebagai hasil Kerajaan Negeri selaras dengan kadar pengagihan yang dinyatakan dalam Kertas MkewN Bil.2/2019
- 6) Peruntukan ini dikreditkan ke Akaun Pemberian Pelancongan
- 7) Pemberian Berdasarkan Tahap Pembangunan Ekonomi, Infrastruktur dan Kesejahteraan Hidup merupakan salah satu daripada Pemberian Dari Kumpulan Wang Rizab Negeri
- 9) Jumlah pengagihan peruntukan akan ditentukan berdasarkan peruntukan belanjawan tahun berikutnya serta penilaian pencapaian pelaksanaan tahun semasa. Anggaran kos bagi perancangan EFT tahun berikutnya dibuat berdasarkan kepada jumlah peruntukan yang diterima pada tahun semasa.
- 10) Pemberian ini dipemungutkan oleh BPEN, PSUKPP dan dikreditkan ke akaun amanah pembangunan, Penyaluran kepada Penang Agrotech dibuat pada Januari 2025 untuk melaksanakan projek tersebut (Program Bantuan Khas Nelayan Negeri Pulau Pinang)

## LAMPIRAN B

Merujuk kepada data yang diperolehi daripada Kementerian Ekonomi, peruntukan pembangunan persekutuan bagi Negeri Pulau Pinang di bawah Rancangan Malaysia Kedua Belas (RMK12) dan Rancangan Malaysia Ketiga Belas (RMK13) adalah seperti yang dinyatakan dalam jadual berikut:

<b>ROLLING PLAN RMK12</b>	<b>BILANGAN PROJEK DILULUSKAN</b>	<b>JUMLAH PERUNTUKAN DILULUSKAN (RM)</b>
RP1	166	649,848,000
RP2	171	606,293,600
RP3	231	854,647,500
RP4	280	1,007,603,700
RP5	311	1,746,863,600
<b>JUMLAH KESELURUHAN</b>	<b>1,159.00</b>	<b>4,865,256,400.00</b>

<b>ROLLING PLAN RMK13</b>	<b>BILANGAN PROJEK DILULUSKAN</b>	<b>JUMLAH PERUNTUKAN DILULUSKAN (RM)</b>
RP1	86	5,233,724,583

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA  
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG  
YANG KELIMA BELAS  
14 NOVEMBER 2025**

**PERKARA : 4(A)(XX)20**

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN BUKIT TENGAH  
YB GOOI HSIAO-LEUNG**

20. Adakah proses pengesahan panjang jalan (*road length verification*) dijalankan dari 2018 sehingga 2025 yang telah menyebabkan peningkatan atau pengurangan dalam jumlah peruntukan MARRIS kepada Pulau Pinang? Berikan butiran.

**YB ZAIRIL KHIR JOHARI  
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

20. Peruntukan MARRIS setiap tahun yang diterima daripada Kementerian Kewangan (MOF) adalah berdasarkan kepada panjang jalan yang didaftarkan dan disahkan dalam Sistem Maklumat Rekod-Rekod Jalan Raya Malaysia (*MARRIS Online*). Mengikut Garis Panduan MARRIS 4.0 (PB 3.6), penyaluran peruntukan dibuat berpandukan kriteria seperti jenis jalan yang layak, panjang jalan berdaftar dan keperluan penyelenggaraan sebenar yang disahkan oleh agensi pelaksana.

Bermula tahun 2024, Kementerian Kerja Raya (KKR) melalui Jabatan Kerja Raya Malaysia (JKR) telah melaksanakan proses pemurnian dan pengesahan data panjang jalan bagi memastikan ketepatan rekod serta mengelakkan pertindihan antara jalan negeri dan jalan persekutuan. Hasil daripada proses tersebut, sebahagian rekod jalan yang didaftarkan secara bertindih telah dikeluarkan daripada sistem, menyebabkan jumlah panjang jalan yang direkodkan di Pulau Pinang berkurangan seperti ditunjukkan di **LAMPIRAN A**.

Walau bagaimanapun, jumlah peruntukan yang diterima daripada MOF menunjukkan *trend* peningkatan dari tahun ke tahun sejajar dengan pertambahan kos penyelenggaraan, keperluan semasa di peringkat negeri serta penambahbaikan formula agihan mengikut garis panduan terkini MARRIS 4.0.

**LAMPIRAN A****TERIMAAN MOF DAN LAPORAN PERBELANJAAN PENYELENGGARAAN  
JALAN RAYA (MARRIS) PULAU PINANG BAGI TAHUN 2020 HINGGA 2025**

TAHUN	PANJANG JALAN	TERIMAAN DARIPADA MOF	PERBELANJAAN SEBENAR
	KM	RM	RM
2018	4732.139	114,097,838.00	135,460,227.26
2019	5000.139	183,364,182.00	157,860,895.30
2020	5623.083	186,151,318.00	192,246,435.79
2021	7362.132	208,768,683.00	187,701,566.93
2022	6249.468	208,768,700.00	208,540,992.09
2023	6537.659	210,952,060.00	264,508,881.39
2024	6536.734	221,721,000.00	244,510,515.80
2025 (sehingga Oktober)	6536.734	187,317,810.00	81,092,488.39

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA  
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG  
YANG KELIMA BELAS  
14 NOVEMBER 2025**

**PERKARA : 4(A)(XX)21**

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN BUKIT TENGAH  
YB GOOI HSIAO-LEUNG**

21. Adakah MOF atau JKR telah memberi maklum balas berhubung semakan kadar kos penyelenggaraan (*unit cost per kilometre*) yang digunakan dalam pengiraan MARRIS memandangkan kos bahan dan kerja telah meningkat sejak 2018?

**YB ZAIRIL KHIR JOHARI  
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

21. Berdasarkan surat maklum balas daripada Kementerian Kewangan (MOF) bertarikh 10 September 2025 kepada Jabatan Kewangan Negeri (JKN) Pulau Pinang, MOF memaklumkan bahawa semua bentuk pemberian kepada Kerajaan Negeri termasuk Pemberian Penyelenggaraan Jalan Negeri (MARRIS) sentiasa ditambah baik dari semasa ke semasa dengan mengambil kira kedudukan fiskal negara serta komitmen kewangan Kerajaan Persekutuan yang semakin meningkat.

Sehubungan itu, MOF berpandangan bahawa formula semasa bagi pengiraan peruntukan penyelenggaraan jalan negeri berdasarkan panjang jalan masih relevan dengan objektif pemberian MARRIS. Pengiraan formula tersebut turut mengambil kira pemboleh ubah tambahan berdasarkan pandangan teknikal daripada Jabatan Kerja Raya (JKR) Malaysia mengikut keperluan semasa yang memberi manfaat kepada Kerajaan Negeri.

Selain itu, MOF juga memaklumkan bahawa pihaknya akan memastikan jumlah peruntukan MARRIS meningkat setiap tahun seiring dengan pertambahan panjang jalan yang didaftarkan dalam sistem MARRIS *Online*.

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA  
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG  
YANG KELIMA BELAS  
14 NOVEMBER 2025**

**PERKARA : 4(A)(XX)22**

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN BUKIT TENGAH  
YB GOOI HSIAO-LEUNG**

22. Berapakah panjang keseluruhan Jalan Persekutuan di Pulau Pinang mengikut daerah dan berapakah jumlah peruntukan tahunan yang disalurkan oleh KKR atau JKR bagi penyelenggaraan rutin, periodik dan pembinaan baharu Jalan Persekutuan di Pulau Pinang setiap tahun dalam tempoh dari 2018 hingga 2025?

**YB ZAIRIL KHIR JOHARI**

**MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

22. Jumlah panjang keseluruhan Jalan Persekutuan di Pulau Pinang adalah 209.87 kilometer (km).

Jumlah peruntukan tahunan yang diterima oleh Jabatan Kerja Raya Pulau Pinang (JKRPP) bagi kerja rutin dan penyelenggaraan Jalan Persekutuan dari tahun 2018 hingga 2025 adalah seperti di **LAMPIRAN A**.

JADUAL 1: PERUNTUKAN KERJA RUTIN DI JALAN PERSEKUTUAN (2018–2025)

TAHUN	PERUNTUKAN (RM)
2018	4,020,000.00
2019	4,020,000.00
2020	4,020,000.00
2021	4,170,000.00
2022	4,040,000.00
2023	4,330,000.00
2024	5,830,000.00

JADUAL 2: PERUNTUKAN PENYELENGGARAAN JALAN PERSEKUTUAN (2018–2025)

TAHUN	PECAHAN PERUNTUKAN MENGIKUT JKR DAERAH (RM)					JUMLAH (RM)
	SEBERANG PERAI UTARA	SEBERANG PERAI TENGAH	SEBERANG PERAI SELATAN	TIMUR LAUT	BARAT DAYA	
2018	650,000.00	500,000.00	800,000.00	1,200,000.00	2,450,000.00	5,600,000.00
2019	350,000.00	5,680,000.00	1,900,000.00	1,100,000.00	749,000.00	9,779,000.00
2020	2,200,000.00	1,350,000.00	1,950,000.00	1,650,000.00	1,200,000.00	8,350,000.00
2021	3,300,000.00	4,970,000.00	2,670,000.00	4,780,000.00	6,080,000.00	21,800,000.00
2022	1,300,000.00	1,300,000.00	2,750,000.00	5,050,000.00	2,800,000.00	13,200,000.00
2023	1,500,000.00	5,340,000.00	5,010,000.00	500,000.00	2,300,000.00	14,650,000.00
2024	7,780,000.00	13,890,000.00	14,030,000.00	10,500,000.00	12,950,000.00	59,150,000.00
2025	6,280,000.00	9,430,000.00	3,210,000.00	5,180,000.00	4,900,000.00	29,000,000.00
<b>JUMLAH (RM)</b>	<b>23,360,000.00</b>	<b>42,460,000.00</b>	<b>32,320,000.00</b>	<b>29,960,000.00</b>	<b>33,429,000.00</b>	<b>161,529,000.00</b>

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA  
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG  
YANG KELIMA BELAS  
14 NOVEMBER 2025**

**PERKARA : 4(A)(XX)23**

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN BUKIT TENGAH  
YB GOOI HSIAO-LEUNG**

23. Adakah terdapat cadangan untuk menyeragamkan sistem pelaporan MARRIS dengan data Jalan Persekutuan bagi memastikan rekod keseluruhan jaringan jalan di Pulau Pinang dikemaskini secara bersepadu?

**JAWAPAN OLEH YAB KETUA MENTERI**

23. Jabatan Kerja Raya (JKR) Malaysia bersama Kementerian Kerja Raya (KKR) sedang membangunkan sistem MyInfra bagi tujuan penyeragaman data Jalan Persekutuan dan Jalan Negeri supaya dapat direkodkan serta dikemas kini secara bersepadu.

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA  
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG  
YANG KELIMA BELAS  
14 NOVEMBER 2025**

**PERKARA : 4(A)(XX)24**

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN BUKIT TENGAH  
YB GOOI HSIAO-LEUNG**

24. Nyatakan jumlah peruntukan MARRIS yang diterima dari MOF oleh Kerajaan Negeri, MBPP dan MBSP bagi setiap tahun dalam tempoh dari 2018 sehingga 2025.

**JAWAPAN OLEH YAB KETUA MENTERI**

24. Jumlah peruntukan MARRIS yang diterima daripada Kementerian Kewangan (MOF) oleh Kerajaan Negeri dan peruntukan kepada Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) dan Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP) bagi setiap tahun dari 2018 hingga 2025 adalah seperti di **LAMPIRAN A**.

LAMPIRAN A

AGIHAN MARRIS BAGI TAHUN 2018 SEHINGGA DAN 2025 KEPADA MBSP DAN MBPP

TAHUN	2018	2019	2020	2021	2022	2023	2024	2025
	RM	RM	RM	RM	RM	RM	RM	RM
MBPP	23,057,532.70	38,103,569.97	39,652,950.59	40,239,657.09	37,111,391.97	40,334,078.64	36,680,236.52	39,026,773.41
MBSP	58,820,470.88	56,830,304.27	70,062,410.98	80,004,438.10	84,374,982.85	115,017,284.83	136,705,485.89	89,168,795.22

TAHUN	TERIMAAN DARIPADA MOF
	RM
2018	114,097,838.00
2019	183,364,182.00
2020	186,151,318.00
2021	208,768,680.00
2022	208,770,700.00
2023	210,952,060.00
2024	221,721,000.00
2025 (sehingga Oktober)	187,317,810.00

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA  
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG  
YANG KELIMA BELAS  
14 NOVEMBER 2025**

**PERKARA : 4(A)(XX)25**

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN BUKIT TENGAH  
YB GOOI HSIAO-LEUNG**

25. Nyatakan tarikh sebenar setiap tahun dari tempoh 2020 sehingga 2025 apabila peruntukan MARRIS diterima daripada MOF dan tarikh ia disalurkan oleh Perbendaharaan Negeri kepada JKRPP, MBPP dan MBSP.

**JAWAPAN OLEH YAB KETUA MENTERI**

25. Peruntukan MARRIS daripada Kementerian Kewangan (MOF) diterima oleh Jabatan Kewangan Negeri secara bulanan bagi tempoh tahun 2020 hingga 2025. Peruntukan tersebut dikreditkan sebelum penghujung setiap bulan tertakluk kepada jadual penyaluran yang ditetapkan oleh MOF dan tiada tarikh tetap ditetapkan bagi setiap bulan.

Bagi peringkat negeri, Jabatan Kewangan Negeri menyalurkan peruntukan tersebut kepada Jabatan Kerja Raya Pulau Pinang (JKRPP), Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) dan Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP) secara empat fasa iaitu suku tahunan. Penyaluran ini dilaksanakan sebelum penghujung setiap suku tahunan berdasarkan jadual yang telah diluluskan oleh Jawatankuasa MARRIS.

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA  
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG  
YANG KELIMA BELAS  
14 NOVEMBER 2025**

**PERKARA : 4(A)(XX)26**

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN BUKIT TENGAH  
YB GOOI HSIAO-LEUNG**

26. Adakah berlaku kelewatan dalam penerimaan atau penyaluran peruntukan MARRIS oleh MOF pada mana-mana tahun dari 2020 hingga 2025? Jika ya, nyatakan tempoh kelewatan, punca kelewatan dan kesan terhadap jadual penyelenggaraan jalan, tender kerja, serta keberkesanan pelaksanaan program MARRIS.

**YB ZAIRIL KHIR JOHARI  
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

26. Untuk makluman, tiada kelewatan berlaku dalam penerimaan atau penyaluran peruntukan MARRIS oleh Kementerian Kewangan (MOF) bagi tempoh tahun 2020 hingga 2025. Penyaluran kepada Kerajaan Negeri dilaksanakan secara bulanan dan kebiasaannya diterima sebelum penghujung setiap bulan, manakala agihan kepada 14 agensi/ jabatan pelaksana dibuat secara berfasa, iaitu suku tahunan dan semua bayaran telah disalurkan sebelum penghujung setiap suku tahun. Sekiranya terdapat keperluan tambahan, khususnya bagi kerja-kerja kecemasan, keutamaan akan diberikan dalam peruntukan tambahan tertakluk kepada baki yang ada. Walau bagaimanapun, sepanjang tempoh lima tahun ini tiada sebarang isu kelewatan direkodkan dan pelaksanaan program penyelenggaraan jalan di bawah MARRIS berjalan lancar tanpa menjejaskan jadual penyelenggaraan, proses tender kerja mahupun keberkesanan pelaksanaannya.

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA  
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG  
YANG KELIMA BELAS  
14 NOVEMBER 2025**

**PERKARA : 4(A)(XX)27**

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN BUKIT TENGAH  
YB GOOI HSIAO-LEUNG**

27. Nyatakan projek-projek yang dipohon di bawah RMK-13 untuk perbelanjaan pembangunan dan naik taraf jalan raya dan untuk tebatan banjir di Pulau Pinang dan khususnya untuk KADUN Bukit Tengah.

**YB ZAIRIL KHIR JOHARI  
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

27. Projek-projek kerja raya dan tebatan banjir yang dipohon di bawah Rancangan Malaysia Ketiga Belas (RMK13) di KADUN Bukit Tengah adalah seperti berikut:
- (i) Projek menaik taraf Jalan Tunggal (FT001) dari dua (2) lorong kepada jalan berkembar empat (4) lorong dari Permatang Tinggi (Sek. 740.4) ke Sungai Juru (Sek. 746.4);
  - (ii) Projek pemuliharaan Sungai Juru;
  - (iii) Rancangan Tebatan Banjir (RTB) Sungai Nyiur;
  - (iv) RTB Sungai Kelang Ubi;
  - (v) Kajian Pelan Induk Saliran Mesra Alam Pulau Pinang (Daerah Seberang Perai Tengah);
  - (vi) Projek pembinaan dan pembaikan ban pantai di pesisir pantai kawasan Bagan Lebai Tahir;

(vii) RTB Sungai Perai (Fasa 2); dan

(viii) Menaik taraf infrastruktur mekanikal dan elektrik untuk kawalan banjir Negeri Pulau Pinang (Fasa 2).

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA  
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG  
YANG KELIMA BELAS  
14 NOVEMBER 2025**

**PERKARA : 4(A)(XX)28**

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN BUKIT TENGAH  
YB GOOI HSIAO-LEUNG**

28. Nyatakan status terkini dan anggaran projek menaik taraf jalan dari Permatang Tinggi (Seksyen 740.4) ke Sungai Juru (Seksyen 746.4) di laluan Persekutuan FT001 Bukit Tengah, Seberang Perai Tengah.

**YB ZAIRIL KHIR JOHARI  
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

28. Status terkini projek ini adalah telah mendapat kelulusan bagi pelaksanaan kerja-kerja awalan (*preliminary works*) yang meliputi penyediaan reka bentuk terperinci, kajian impak trafik, penyelarasan dengan utiliti awam dan semakan teknikal di tapak. Kerja-kerja awalan ini dilaksanakan sebagai persediaan sebelum proses pelaksanaan fizikal projek penuh dapat dijalankan. Anggaran kos keseluruhan bagi projek ini adalah sebanyak RM533 juta.

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA  
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG  
YANG KELIMA BELAS  
14 NOVEMBER 2025**

**PERKARA : 4(A)(XX)29**

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN BUKIT TENGAH  
YB GOOI HSIAO-LEUNG**

29. Nyatakan hasil perbincangan Kerajaan Negeri dengan Pusat mengenai pembangunan loji Waste to Energy (WtE) di Pulau Pinang dan SWCorp.

**YB H'NG MOOI LYE**

**MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

29. Kerajaan Negeri Pulau Pinang telah mengadakan satu perbincangan bersama pihak Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara (JPSPN) pada 19 Ogos 2025. Melalui perbincangan tersebut, Kerajaan Negeri dimaklumkan bahawa pihak Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) menyasarkan pembinaan sebanyak 18 buah loji Waste to Energy (WtE) di seluruh negara menjelang tahun 2040 dan Tapak Pelupusan Sampah Pulau Burung (TPSPB) telah dikenal pasti sebagai lokasi cadangan pembangunan loji WtE bagi Negeri Pulau Pinang.

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA  
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG  
YANG KELIMA BELAS  
14 NOVEMBER 2025**

**PERKARA : 4(A)(XX)30**

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN BUKIT TENGAH  
YB GOOI HSIAO-LEUNG**

30. Apakah kesan terbaru yang direkodkan dari segi jumlah pelaburan langsung asing (FDI), nilai eksport semikonduktor dan komponen elektronik serta jumlah guna tenaga dalam sektor tersebut di Pulau Pinang dalam suku kedua dan ketiga 2025 sejak pelaksanaan tarif terbaru oleh Amerika Syarikat?

**JAWAPAN OLEH YAB KETUA MENTERI**

30. **Prestasi Pelaburan dan Eksport Negeri Pulau Pinang Setakat Suku Kedua Tahun 2025**

Sejak pelaksanaan tarif terbaharu oleh Amerika Syarikat, jumlah Pelaburan Langsung Asing (FDI) dalam sektor pembuatan di Negeri Pulau Pinang bagi Suku Kedua (Q2) Tahun 2025 telah mencatatkan nilai sebanyak RM5.8 bilion. Angka ini merupakan data yang diterbitkan oleh Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia (MIDA) dan Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM).

Dalam tempoh yang sama, jumlah guna tenaga di negeri ini direkodkan seramai 931,000 orang, menunjukkan pertumbuhan berterusan dalam sektor pekerjaan berkaitan pembuatan dan industri sokongan.

Setakat ini, data pelaburan oleh MIDA serta data guna tenaga oleh DOSM hanya diterbitkan sehingga Suku Kedua 2025. Data bagi Suku Ketiga masih belum diterbitkan. Sektor E&E kekal sebagai penyumbang utama kepada ekonomi negeri. Berdasarkan data daripada METS DOSM, nilai eksport

E&E dari Negeri Pulau Pinang bagi Suku Kedua (Q2) Tahun 2025 adalah sebanyak RM97.8 bilion.

Bagi tempoh Julai hingga Ogos 2025, nilai eksport E&E direkodkan pada RM70.6 bilion, menandakan momentum eksport yang masih kukuh walaupun dalam tempoh separuh kedua tahun.

Setakat ini, data nilai eksport E&E bagi tahun 2025 hanya diterbitkan sehingga bulan Ogos.